



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008

PPj DAN PERHILITAN ANJUR SAVE WILDLIFE FOR FUTURE BERSEMPENA SAMBUTAN HARI HIDUPAN LIAR SEDUNIA 2024

PUTRAJAYA, 24 Februari 2024 – Seramai 8,000 pengunjung mengunjungi program ‘Putrajaya Save Wildlife for Future’ pada 24 dan 25 Februari 2024 bertempat di Bangunan Pusat Interpretif Pelawat (VIC), Taman Botani Putrajaya, Presint 1.

Program ‘Putrajaya Save Wildlife for Future’ dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia bersempena dengan Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia yang disambut pada 3 Mac setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan dan menyokong usaha pelbagai pihak dalam melindungi hidupan liar serta habitatnya.

Pelbagai pengisian aktiviti kesedaran tentang hidupan liar telah diadakan. Antaranya pameran melibatkan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan, sesi *Pocket Talk* bersama pakar-pakar hidupan liar, Bengkel Terrarium, ‘*Tiger Aerodance*’, Pertandingan ‘Putrajaya Urban Birding’, Pertandingan Mewarna dan Melukis Poster bersama pelajar pelbagai peringkat umur. Pelbagai hadiah menarik telah disediakan kepada pemenang bagi setiap aktiviti yang dipertandingkan.

Acara kemuncak program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Puan LAr. Haslinda Binti Khalid, Naib Presiden, Jabatan Lanskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya bersama-sama YBhg. Dato’ Fakhru Hatta bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi), Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia ketika pelepasan peserta Pertandingan ‘Fauna Flora Edu Hunt’. Seramai 18 kumpulan telah dilepaskan untuk mencari harta karun tersembunyi yang terdapat di sekitar Taman Botani Putrajaya melalui soalan-soalan fauna dan flora yang telah diletakkan di enam (6) ‘check point’ yang disediakan.

Hasrat Perbadanan Putrajaya melalui program seumpama ini dapat menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama menyokong usaha kerajaan di dalam menyelamatkan hidupan liar yang semakin terancam disebabkan aktiviti pembangunan dan pembalakan haram yang tidak terancang selain bersama-sama mengambil tanggungjawab untuk memelihara habitat untuk perlindungan hidupan liar bagi kelestarian alam sekitar yang lebih mampan.

Bersempena program ‘Putrajaya Save Wildlife for Future’ satu pameran pendidikan ‘Wildlife Discovery’ diadakan bertempat di Galeri Pendidikan VIC, Taman Botani Putrajaya. Pameran ini dilanjutkan lagi sehingga satu bulan bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi PERHILITAN dan Perbadanan Putrajaya bagi menyelamatkan dan menangani konflik hidupan liar khususnya di dalam kawasan perbandaran.

TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK

Pengarah (Komunikasi Korporat)

Perbadanan Putrajaya

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.